

**PENGARUH SIKAP PELAJAR DAN
PENGAJARAN GURU TERHADAP
LITERASI BAHASA ARAB**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

NOORAFINI KASSIM



UMS

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2016**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **PENGARUH SIKAP PELAJAR DAN PENGAJARAN GURU TERHADAP LITERASI BAHASA ARAB**

IJAZAH: **SARJANA PENDIDIKAN (KURIKULUM DAN PENGAJARAN)**

Saya **NOORAFINI BINTI KASSIM**, Sesi Pengajian **2012-2016**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Univesiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/ TIDAK TERHAD



NOORAFINI BINTI KASSIM
MT1211001T


Disahkan oleh,

NURULAIN BINTI ISMAIL

LIBRARIAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)




(Dr. Muhammad Suhaimi Taat)
Penyelia

Tarikh: 18 Jun 2016

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

13 Mei 2016



Noorafni binti Kassim
MT1211001T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BERPRESTASI

PENGESAHAN

NAMA : NOORAFINI BINTI KASSIM
NO. PELAJAR : MT1211001T
TAJUK : PENGARUH SIKAP PELAJAR DAN PENGAJARAN GURU TERHADAP LITERASI BAHASA ARAB
IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN (KURIKULUM DAN PENGAJARAN)
TARIKH VIVA : 10 MAC 2016

DISAHKAN OLEH;

1. **Penyelia Utama**
Dr. Muhammad Suhaimi Taat



Tandatangan

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'M. Suhaimi Taat', written over a horizontal line.

2. **Penyelia Bersama**
Dr. Saini Ag. Damit

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Saini Ag. Damit', written over a horizontal line.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Dengan menyebut nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Maha suci Allah, solawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, para keluarga dan para sahabat baginda sekalian.

Alhamdulillah dengan izin dan inayah-Nya jua dapat saya sempurnakan penulisan tesis ini bagi melengkapkan pengajian saya di Universiti Malaysia Sabah. Banyak pihak dan individu yang layak diberikan penghormatan dan penghargaan.


Setinggi-tinggi penghargaan saya huluskan kepada Dr. Muhammad Suhaimi Taat dan Dr. Saini Ag. Damit selaku penyelia saya, yang telah memberikan panduan, bimbingan, pandangan dan komen yang membina secara berterusan sehingga selesai penulisan tesis ini. Tidak lupa jutaan terima kasih kepada semua pelajar bahasa Arab yang menjadi sampel kajian ini dan memberi kerjasama dalam pengumpulan data untuk kajian ini.

Kasih sayang dan penghargaan yang tidak terhingga buat ayahanda dan bonda, yang telah banyak berkorban membesarkan dan mendidik anakanda semua sehingga berjaya menjadi insan yang berguna. Hanya Allah yang mampu membalas pengorbanan ayahanda bonda berdua di dunia dan akhirat. Penghargaan yang amat istimewa buat suami yang dikasihi, di atas segala sokongan, doa dan kasih sayang. Tidak lupa buat adik-beradik dan seluruh ahli keluarga yang turut sama memberi segala sokongan terhadap saya.

Akhir sekali, terima kasih kepada semua rakan-rakan yang membantu dan berkongsi pengalaman dan sumber dalam kajian saya ini. Saya juga mengharapkan semoga Allah SWT membalas kebaikan kepada semua pihak yang memberikan bantuan dalam menjayakan tesis ini. Akhirnya, saya berdoa kepada Allah SWT semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada kita semua.

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk melihat pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap literasi bahasa Arab. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian lapangan telah dilakukan terhadap 200 orang pelajar di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah dengan menggunakan set ujian dan set soal selidik. Tahap kewajaran ujian dan soalan dinilai dan diperakukan oleh pakar akademik sebelum kajian dilaksanakan. Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan melibatkan ujian t tidak bersandar, korelasi Pearson dan regresi berganda. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap literasi bahasa Arab berada pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian juga mendapati bahawa sikap pelajar dan persepsi pelajar bagi pengajaran guru berada pada tahap yang tinggi iaitu mencatatkan nilai skor min 3.66 dan 4.09. Selain itu, dapatan menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kalangan responden lelaki dan perempuan bagi kedua-dua variabel sikap pelajar dan pengajaran guru. Dapatan kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar dengan literasi bahasa Arab, begitu juga dengan pengajaran guru dengan literasi bahasa Arab. Selain itu, analisis regresi mendapati bahawa pengajaran guru memberikan pengaruh yang besar iaitu sebanyak 48.1%, berbanding sikap pelajar iaitu 8.1% terhadap literasi bahasa Arab. Dapatan ini memberikan implikasi kepada amalan pengajaran guru bahasa Arab dalam meningkatkan sikap yang positif untuk menguasai bahasa Arab sekaligus meningkatkan pencapaian dalam kalangan pelajar.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

THE INFLUENCE OF STUDENT'S ATTITUDE AND TEACHER'S INSTRUCTION TOWARDS ARABIC LITERACY

This study is to determine the level of Arabic language literacy among students and to identify the influence of students' attitude and teacher's instruction towards Arabic language literacy. In the effort to gain results for this study, a study was done on 200 pupils from Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS using a set of test and questionnaires that are evaluated and approved by academic supervisors before distributed to the pupils. Data were analyzed using descriptive and inferential involving independent t test, Pearson correlation and multiple regressions. Overall, the findings indicate that the level of literacy in Arabic is at a moderate level. The study also found that students' attitudes and perceptions of students to teachers is at a high level, which registered a mean score 3.66 and 4:09. Additionally, the findings show that there were no significant differences between male and female respondents in both attitude of students and teacher's instruction. The results also showed that there is a significant relationship between students' attitudes to literacy in Arabic, as well as teaching to literacy in Arabic. In addition, regression analysis found that teaching had a major influence of 48.1%, compared to 8.1% of the students' attitudes toward literacy Arabic. These findings have implications to the practice of teaching Arabic to improve student attitudes in mastering the Arabic language thereby improving achievement among students.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB 1: PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	3
1.3 Pernyataan masalah	10
1.4 Objektif kajian	14
1.5 Soalan kajian	14
1.6 Hipotesis kajian	15
1.7 Kepentingan kajian	15
1.8 Batasan kajian	18
1.9 Definisi operasional	18
1.9.1 Literasi bahasa	18
1.9.2 Sikap pelajar bagi bahasa Arab	19
1.9.3 Pengajaran guru bahasa Arab	21
1.10 Rumusan	21
BAB 2: SOROTAN LITERATUR	23
2.1 Pendahuluan	23
2.2 Bahasa Arab di PPIB,UMS	23

2.3	Literasi bahasa Arab	24
2.3.1	Kemahiran mendengar	30
2.3.2	Kemahiran bertutur	31
2.3.3	Kemahiran membaca	32
2.3.4	Kemahiran menulis	33
2.4	Konsep sikap	34
2.4.1	Definisi sikap	35
2.4.2	Komponen sikap	38
2.4.3	Pembentukan sikap	39
2.4.4	Konsep motivasi	41
2.4.5	Konsep sendiri	44
2.5	Model Sosio-Pendidikan (Gardner,2001)	48
2.6	Konsep pengajaran	50
2.6.1	Pengertian pengajaran	51
2.6.2	Proses pengajaran	52
2.6.3	Kaedah pengajaran	54
2.6.4	Pengajaran berkesan	56
2.7	Model Pengajaran	62
2.7.1	Model pengajaran Robert Glaser (1962)	62
2.7.2	Model Pengajaran Sim	64
2.8	Konsep pembelajaran	65
2.8.1	Pengertian pembelajaran	65
2.8.2	Proses pembelajaran	67
2.8.3	Jenis-jenis pembelajaran	68
2.9	Teori pembelajaran Konstruktivisme	69
2.10	(Kajian tentang sikap terhadap bahasa Arab)	71
2.11	Kajian pengajaran guru bahasa Arab	77
2.12	(Kerangka konseptual kajian)	82
2.13	Rumusan	83
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		84
3.1	Pendahuluan	84

3.2	Reka bentuk kajian	84
3.3	Lokasi kajian	85
3.4	Populasi dan pensampelan	85
3.5	Instrumen kajian	88
3.6	Kesahan dan kebolehpercayaan alat kajian	90
3.7	Skala pemarkahan	94
3.8	Tatacara kajian	94
3.9	Analisis data	95
3.10	Statistik deskriptif	96
3.11	Statistik inferensi	98
	3.11.1 Ujian-t tidak bersandar	98
	3.11.2 Analisis korelasi Pearson	99
	3.11.3 Analisis regresi pelbagai	100
3.12	Rumusan	102
BAB 4: ANALISIS DATA DAN DAPATAN		103
4.1	Pengenalan	103
4.2	Kebolehpercayaan alat kajian	103
4.3	Latar belakang responden	105
	4.3.1 Taburan frekuensi responden	105
4.4	Ujian untuk kenormalan (<i>Test of Normality</i>)	107
4.5	Dapatan kajian secara deskriptif	110
	4.5.1 Literasi bahasa Arab	111
	4.5.2 Sikap pelajar bagi literasi bahasa Arab	112
	4.5.3 Persepsi pelajar bagi pengajaran guru bahasa Arab	113
4.6	Dapatan kajian berdasarkan objektif dan hipotesis	114
	4.6.1 Hipotesis 1: Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam literasi bahasa Arab pelajar berdasarkan jantina	114
	4.6.2 Hipotesis 2: Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam sikap pelajar berdasarkan jantina	115

4.6.3	Hipotesis 3: Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam persepsi pelajar bagi pengajaran guru berdasarkan jantina	115
4.6.4	Hipotesis 4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar dengan literasi bahasa Arab	116
4.6.5	Hipotesis 5: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran guru dengan literasi bahasa Arab	116
4.6.6	Hipotesis 6: Tidak terdapat pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap literasi bahasa Arab	117
4.7	Rumusan keputusan	118
BAB 5: PERBINCANGAN, IMPLIKASI, RUMUSAN DAN CADANGAN		121
5.1	Pendahuluan	121
5.2	Ringkasan kajian	121
5.3	Perbincangan dapatan kajian	124
5.3.1	Tahap literasi pelajar bagi bahasa Arab	125
5.3.2	Sikap pelajar bagi literasi bahasa Arab	127
5.3.3	Persepsi pelajar bagi pengajaran guru dalam mempelajari bahasa Arab	130
5.3.4	Perbezaan literasi bahasa Arab pelajar berdasarkan jantina	133
5.3.5	Perbezaan sikap pelajar berdasarkan jantina	135
5.3.6	Perbezaan persepsi pelajar bagi pengajaran guru Bahasa Arab berdasarkan jantina	137
5.3.7	Hubungan antara sikap pelajar dengan literasi bahasa Arab	139
5.3.8	Hubungan antara pengajaran guru dengan literasi bahasa Arab	140
5.3.9	Pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap literasi bahasa Arab	141
5.4	Implikasi terhadap teori	143
5.5	Implikasi terhadap amalan	144
5.6	Rumusan	147
5.7	Cadangan	150

5.7.1	Kementerian Pengajian Tinggi	150
5.7.2	Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS	150
5.7.3	Guru bahasa Arab	151
5.7.4	Ibu-Bapa	152
5.7.5	Pelajar	152
5.8	Kajian lanjutan	153
5.9	Penutup	154

BIBLIOGRAFI	156
--------------------	-----

LAMPIRAN	178
-----------------	-----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1: Taburan populasi	87
Jadual 3.2: Taburan sampel	88
Jadual 3.3: Taburan soal selidik	90
Jadual 3.4: Klasifikasi indeks kebolehpercayaan	93
Jadual 3.5: Kebolehpercayaan keseluruhan dan mengikut bahagian	94
Jadual 3.6: Interpretasi min tahap sikap dan persepsi pelajar bahasa Arab	97
Jadual 3.7: Interpretasi markah bagi tahap literasi bahasa Arab	97
Jadual 3.8: Kekuatan pekali korelasi	100
Jadual 3.9: Teknik statistik analisis data	101
Jadual 4.1: Kebolehpercayaan keseluruhan dan mengikut bahagian	104
Jadual 4.2: Perbezaan kebolehpercayaan kajian rintis dan kajian sebenar	105
Jadual 4.3: Taburan frekuensi responden mengikut jantina	105
Jadual 4.4: Taburan frekuensi responden mengikut tahun pengajian	106
Jadual 4.5: Ujian nilai Skewness Dan Kurtosis	110
Jadual 4.6: Hasil ujian statistik Kolmogorov-Smirnov	110
Jadual 4.7: Keputusan skor min literasi bahasa Arab	111
Jadual 4.8: Jumlah dan peratusan literasi bahasa Arab	111
Jadual 4.9: Skor min berdasarkan jantina bagi literasi bahasa Arab	112
Jadual 4.10: Skor min sikap pelajar bagi literasi bahasa Arab	112
Jadual 4.11: Skor min berdasarkan jantina bagi sikap pelajar	113
Jadual 4.12: Analisis skor min bagi item sikap pelajar	113
Jadual 4.13: Skor min variabel persepsi pelajar bagi pengajaran guru	114
Jadual 4.14: Perbezaan literasi bahasa Arab pelajar berdasarkan jantina	114
Jadual 4.15: Perbezaan sikap pelajar berdasarkan jantina	115
Jadual 4.16: Perbezaan persepsi bagi pengajaran guru berdasarkan jantina	116
Jadual 4.17: Hubungan antara sikap pelajar dengan literasi bahasa Arab	116

Jadual 4.18:	Hubungan antara pengajaran guru dengan literasi bahasa Arab	117
Jadual 4.19:	Pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap literasi bahasa Arab	117
Jadual 4.20:	Keputusan ujian Pseudo R-Square	118
Jadual 4.21:	Keputusan keseluruhan analisis data	119



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1: Model Pengajaran Robert Glaser	62
Rajah 2.2: Model Pengajaran Sim	64
Rajah 2.3: Kerangka konseptual kajian	83
Rajah 3.1: Skala Likert mengikut tahap dan markah	94
Rajah 4.1: Taburan frekuensi responden mengikut jantina	106
Rajah 4.2: Taburan frekuensi responden mengikut tahun pengajian	107
Rajah 4.3: Taburan data literasi bahasa Arab	108
Rajah 4.4: Taburan data sikap pelajar terhadap bahasa Arab	108
Rajah 4.5: Taburan data pengajaran guru bahasa Arab	109



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

ABM	-	Alat Bantu Mengajar
JAPIM	-	Jabatan Pendidikan Islam & Moral
KBA	-	Kurikulum Bahasa Arab
PPIB	-	Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
UMS	-	Universiti Malaysia Sabah
UM	-	Universiti Malaya
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
USIM	-	Universiti Sains Islam Malaysia
UIAM	-	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
SAN	-	Sekolah Agama Negeri
SBP	-	Sekolah Berasrama Penuh
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	-	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Negara kita Malaysia telah mencapai banyak kejayaan dari pelbagai aspek seperti ekonomi, politik dan sosial. Sesungguhnya kejayaan ini adalah disebabkan oleh rakyatnya yang berilmu pengetahuan dan berketerampilan. Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyatakan bahawa, pendidikan merupakan satu wasilah dan usaha bagi melahirkan sebuah rakyat yang berilmu, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Perkara ini seiring dengan arah tuju negara untuk menjadi negara yang benar-benar maju menjelang 2020, juga sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau dalam abad ke-21. Inilah yang menjadi matlamat kemajuan dan kejayaan negara setelah sekian lama (Noraini Idris dan Shuki Osman, 2009).

Bahasa adalah elemen utama dalam kehidupan manusia yang menjadi alat dan perantara dalam komunikasi. Bahasa adalah milik manusia yang membezakan antara mereka dengan makhluk lain (Kamarudin Husin, 1995). Manusia berkomunikasi antara satu sama lain dengan menggunakan bahasa. Selain itu, manusia juga memerlukan bahasa untuk menzahirkan perasaannya, menyebarkan ilmu pengetahuan dan menciptakan keindahan melalui kesusasteraan bahasa dan ilmu, kebudayaan, dan peradaban (Mangantar Simanjuntak, 1982).

Mempelajari pelbagai bahasa selain bahasa ibunda seperti bahasa Arab merupakan satu proses pembelajaran yang perlu dititik beratkan. Hal ini adalah penting bagi mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan dan memperbaiki kualiti pendidikan negara. Menurut Zamri dan Zarina (2001), antara matlamat pendidikan adalah untuk melahirkan individu yang berpengetahuan, bertanggungjawab, berakhlak terpuji, berketerampilan dan berkebolehan dalam

berbahasa. Bagi mencapai hasrat dan matlamat murni ini, literasi menjadi salah satu aspek yang sangat penting. Literasi boleh dianggap sebagai satu fungsi kemahiran berbahasa dalam masyarakat (Husin Fateh Din *et al.* (2011). Oleh itu, pelajar seharusnya mempunyai wawasan dan sikap positif dalam pembelajaran seperti bahasa Arab. Penguasaan kesemua aspek kemahiran bahasa Arab adalah penting bagi pelajar. Tidak dapat dinafikan bahawa peranan dan manfaat bahasa Arab adalah sangat berpengaruh dan mustahak dalam kehidupan kini. Justeru, penguasaan dan kecekapan dalam bahasa Arab merupakan kemahiran dan kemampuan yang perlu dimiliki oleh pelajar. Ini disebabkan oleh, pelajar merupakan individu yang menjadi aset dalam pembangunan dan kecemerlangan negara. Keupayaan dalam menguasai bahasa asing seperti bahasa Arab adalah penting dan sangat berguna bagi meningkatkan kepelbagaian bidang ilmu pengetahuan seterusnya mengecap kehidupan yang lebih baik kelak. Selain itu, penguasaan bahasa Arab juga penting dalam meningkatkan hubungan antarabangsa, seterusnya membolehkan seseorang mampu untuk bersaing dan berjaya dalam kehidupan alam pekerjaan yang semakin mencabar.

Oleh yang demikian, proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab perlu diberi perhatian serius dan mengikut tuntutan semasa bagi menjamin objektif pendidikan tercapai. Menurut Mohammad Abdullah *et al.* (2014), guru merupakan individu yang paling berpengaruh dalam meningkatkan pencapaian pelajar. Oleh yang demikian, pengajaran bahasa Arab perlu dilihat semula hala tujunya dalam memperbaiki mutu kurikulum dan memperkasakan pendidikan seiring dengan keperluan semasa. Pemeraksanaan proses pembelajaran ini merangkumi aspek pelajar, guru, proses pengajaran dan pembelajaran dan sebagainya. Pelajar perlu lebih berdaya saing, sentiasa bermotivasi dan memiliki minat, persepsi, strategi dan sikap yang berkualiti. Perubahan sikap ke arah yang lebih baik dan positif serta keyakinan akan kebolehan diri juga amat penting. Manakala guru pula seharusnya komited dan berdedikasi serta mempunyai kompetensi yang tinggi dalam memperbaiki mutu dan amalan pengajaran bahasa Arab.

1.2 Latar belakang kajian

Bahasa Arab dikelompokkan dalam bahasa-bahasa semitik dan merupakan salah satu bahasa yang tertua. Penutur bahasa Arab di seluruh dunia adalah dianggarkan melebihi 422 juta (Al-Muslim Mustapa dan Zamri Arifin, 2012). Kini, bahasa Arab telah menjadi salah satu bahasa penting dunia. Fungsi dan peranan bahasa Arab dalam era globalisasi kini semakin bertambah. Dunia tanpa sempadan kini menjadikannya bahasa komunikasi dalam pelbagai bidang utama seperti bidang ekonomi, bidang politik, mahupun bidang sosial (Zainur Rijal dan Rosni Samah, 2007). Bahasa Arab yang dahulunya hanya dipelajari berdasarkan kepentingan keagamaan juga, kini telah merentasi batasan tersebut. Ia tidak lagi menjadi bahasa ibadat semata-mata bahkan penggunaannya dilihat lebih meluas dan kepentingannya mencakupi pelbagai sektor perkhidmatan termasuk sektor pelancongan dan perdagangan (Zainur Rijal dan Rosni Samah, 2007).

Pendidikan bahasa Arab telah tersebar luas di Malaysia seiring dengan pendidikan Islam. Mengikut sejarah, pada sekitar kurun ke-14, Islam mula bertapak dan berkembang maju di alam Melayu bermula dengan pengajaran agama Islam di istana-istana Melayu (Ismail Hamid, 1991). Seterusnya, pengajaran Islam semakin tersebar dengan penubuhan pusat-pusat pengajian Islam yang berbentuk pondok dalam masyarakat Melayu. Pembelajaran bahasa Arab juga turut diajar dan ditekankan seterusnya menjadi semakin berkembang dalam abad ke-18M di pusat-pusat pengajian Islam tersebut kerana ia menjadi prasyarat dalam mendalami ilmu-ilmu Islam (Abdullah Jusuh, 1989). Hasil daripada itu, maka lahirlah tokoh-tokoh sarjana yang hebat. Tokoh-tokoh sarjana ini kemudiannya menubuhkan institusi pengajian mereka sendiri melalui sistem pengajian pondok. Sistem pengajian pondok ini terus berkembang di seluruh negeri di semenanjung Malaysia (Hamdi Abd Hamid, 2010).

Pada hari ini, bahasa Arab terus mengalami perkembangan dan kemajuan yang deras dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran bahasa Arab ini mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan. Pendidikan yang dahulunya bersistem pondok beralih kepada sistem sekolah yang lebih kemas dan rapi serta memenuhi keperluan semasa. Sistem pendidikan ini ditadbir secara

langsung oleh pihak-pihak kerajaan mahupun swasta. Bahasa Arab kemudiannya dimasukkan secara rasmi dalam Kurikulum Pendidikan Malaysia melalui Akta Pendidikan pada tahun 1996. Ia dimasukkan ke dalam kurikulum sebagai bahasa asing. Tambahan lagi, ianya kini diajar sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah-sekolah sama ada peringkat rendah mahupun peringkat menengah. Kenyataan ini disokong oleh Naimah Abdullah *et al.* (2009) yang menyatakan bahawa bahasa Arab boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat. Peringkat yang terlibat ialah seperti peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

Kini, pembelajaran bahasa Arab juga turut dihangatkan dan dijalankan di peringkat pengajian tinggi. Pada peringkat pengajian tinggi ini, kursus bahasa Arab lazimnya dijalankan oleh institut yang bertanggungjawab sama ada institut pengajian tinggi awam atau swasta. Kursus bahasa Arab ini terbahagi kepada peringkat-peringkat tertentu seperti peringkat ijazah, diploma mahupun peringkat sijil. Selain itu, ianya turut ditawarkan sebagai salah satu kursus elektif bahasa asing.

Dapat dilihat bahawa penggunaan, penguasaan dan kepentingan bahasa Arab ini adalah menjadi sangat meluas. Dengan itu, pelajar hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemampuan diri untuk mencapai kecemerlangan. Dalam usaha mencapai kecemerlangan bahasa Arab ini, faktor utama yang paling mempengaruhi adalah diri sendiri. Faktor diri sendiri yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan sikap. Kenworthy dalam Noraini Omar (2008) mengatakan bahawa pembelajaran yang berkesan wujud jika ada minat dan sikap yang baik. Dengan erti kata yang lain, perkara utama yang paling penting dalam menguasai bahasa Arab dengan mudah dan cepat adalah melalui sikap. Perkara ini juga ada disebutkan oleh Zamri (2007) yang menyatakan bahawa sikap adalah elemen utama yang mempengaruhi pelajar dalam menguasai bahasa kedua seperti bahasa Arab. Sekiranya seseorang pelajar itu memiliki sikap yang positif seperti kesedaran tentang pentingnya bahasa yang dipelajarinya, maka dia akan cuba menguasai bahasa tersebut meskipun dengan pelbagai cara.

Aspek sikap dalam kalangan pelajar dapat diperhatikan dengan lebih jelas meliputi pelbagai elemen termasuklah minat, motivasi, dan kepercayaan diri atau konsep sendiri. Kesemua perkara tersebut mempunyai perkaitan yang sangat rapat antara satu sama lain. Hal ini disebabkan oleh kesemua perkara yang dinyatakan tersebut termasuk dalam komponen sikap. Minat yang mendalam, motivasi yang baik dan keyakinan diri yang tinggi dapat memberi kesan positif kepada pencapaian pelajar. Ghazali *et al.* (2010) menyatakan sikap negatif sesetengah pelajar yang mudah berputus asa dan malu dengan kelemahan diri akan mengakibatkan mereka hilang keyakinan diri dan menjadi kurang berinisiatif. Sesungguhnya, pelajar dapat membina keyakinan diri dengan menghalakan pemikiran mereka ke arah yang lebih positif dengan meyakini kebolehan diri. Keyakinan diri yang tinggi dapat memberi kesan positif kepada pencapaian pelajar.

Meskipun demikian, pelbagai permasalahan berkaitan sikap sering terjadi dalam kalangan pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Menurut kajian Abdul Halim (2009), masalah dalaman seperti kurang motivasi dan kurang keyakinan diri menjadi faktor utama yang menyebabkan kegagalan dalam pencapaian bahasa Arab. Selain itu, perkara ini jugalah yang menyebabkan tahap penggunaan bahasa Arab yang rendah dalam kalangan pelajar berikutan perasaan takut dan malu, rasa rendah diri dan kurang bersemangat dalam pembelajaran.

Azman Che Mat dan Goh Yih Sing (2010) dalam kajian mereka menyatakan bahawa minat dan sikap pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi perlu dipertingkatkan lagi. Kebanyakan pelajar yang mempelajari bahasa Arab adalah terpaksa kerana tidak mempunyai pilihan lain. Begitu juga dengan kajian Saini Ag. Damit dan Mohammad Seman (2010) menyatakan bahawa majoriti pelajar berasa terpaksa memilih kursus bahasa Arab sebagai kursus pilihan bahasa asing. Keadaan ini disebabkan oleh kekurangan pilihan dalam kursus bahasa asing yang ditawarkan. Tambahan lagi, pelbagai masalah timbul dalam proses pembelajaran bahasa Arab terutamanya dari segi penguasaan tatabahasa Arab. Tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah sangat membimbangkan. Hal ini akan membawa kepada sikap negatif dalam pembelajaran serta kemerosotan dalam pencapaian bahasa Arab.

Selain itu, dalam kajian Zawawi (2001) menyatakan bahawa persepsi dan sikap segelintir pelajar yang menganggap bahasa Arab merupakan bahasa asing yang sukar untuk dipelajari dan dikuasai juga menjadi penyebab utama dalam kemerosotan pencapaian bahasa Arab. Selain menganggapnya sukar, ada juga pelajar yang menyatakan bahawa bahasa ini tidak mempunyai kepentingan dan penggunaannya dalam masyarakat juga adalah tidak meluas. Kajian Saini Ag. Damit dan Mohammad Seman (2010) menyatakan bahawa ramai di antara pelajar yang menyatakan kesukaran dalam mempelajari bahasa Arab. Kesukaran yang dihadapi seperti sukar untuk mengingat pelajaran dengan baik dan tidak dapat mengikuti pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru dengan sempurna merupakan faktor utama yang menyebabkan sikap negatif dalam kalangan pelajar. Akhirnya, pelajar akan mereka menjadi kurang berminat, tiada tumpuan dan cepat berasa jemu ketika proses pembelajaran berlangsung. Sikap negatif seperti ini harus dibendung kerana ianya akan mencacatkan keberkesanan pengajaran bahasa Arab.

Ishak Rejab (1992) dalam Al-Muslim Mustapa dan Zamri Arifin (2012) juga menyatakan bahawa pembelajaran bahasa Arab di Malaysia gagal mencapai objektif pembelajarannya. Kebanyakan pelajar tidak mahir dalam bahasa Arab dan menghadapi masalah terutamanya dalam aspek penulisan, pembacaan dan tatabahasa. Ramai antara mereka tidak dapat menyebut huruf dengan betul dan menulis ayat dengan menggunakan nahu yang tepat. Menurut beliau lagi, masalah ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan pelajar lulusan sekolah menengah, tetapi turut berlaku dalam kalangan pelajar universiti yang mengambil bidang bahasa Arab dan pengajian Islam. Tahap penguasaan bahasa Arab yang dimiliki mereka adalah lemah dan tidak memuaskan. Hal ini disebabkan oleh sikap pelajar yang kurang mempraktikkan dan menggunakan bahasa Arab dalam amalan seharian. Kekurangan dan keterbatasan penggunaan bahasa ini adalah penyebab utama kelemahan dan kedaifan penguasaan bahasa Arab pelajar. Dalam kajian yang dijalankan oleh Zawawi Ismail *et al.* (2011), kebanyakan pelajar yang mempelajari bahasa Arab merasa sukar untuk menguasai kemahiran bertutur berbanding dengan kemahiran mendengar, membaca dan menulis. Hal ini sedemikian kerana pelajar tidak dibenarkan mengulang mahupun menyunting semula perkara yang dituturkan. Sebaliknya, dalam penulisan pelajar boleh mengulang semula atau

menyunting apa yang ditulis. Atas sebab inilah mereka menganggap kemahiran bertutur adalah kemahiran bahasa yang paling susah untuk dikuasai.

Selain daripada permasalahan tentang sikap, isu pengajaran guru juga hendaklah diberi perhatian yang serius. Hal ini yang demikian kerana guru adalah individu penting yang memikul tanggungjawab yang besar dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan bahasa Arab di samping membentuk sikap yang baik dalam kalangan pelajar. Menurut Ghazali Yusri *et al.* (2010), kelemahan pelajar mempunyai hubung kait yang rapat dengan faktor tenaga pengajar, malah tenaga pengajar menjadi faktor kejayaan pembelajaran bahasa di dalam kelas. Dengan itu, proses pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Arab hendaklah sentiasa dipastikan kemantapannya dan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa. Apa yang berlaku kini, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab mempamerkan banyak kekurangan. Pelbagai isu dan masalah timbul dalam sistem pengajaran bahasa Arab. Menurut Kamarulzaman Abdul Ghani *et al.* (2002), proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia tidak mencapai kualiti, objektif dan matlamat yang sebenar-benarnya. Fenomena ini adalah sangat menyedihkan dan seharusnya menemui jalan penyelesaian yang berkesan.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Mohamad Syukri Abd Rahman *et al.* (2013) mendapati bahawa amalan dan kualiti pengajaran dalam kalangan guru bahasa Arab adalah sederhana dan perlu ditambah baik lagi. Beliau merumuskan supaya seseorang guru hendaklah lebih kreatif dalam memilih dan menentukan kaedah dan strategi pengajaran yang sesuai untuk digunakan semasa proses pengajaran dengan mengambil kira kemampuan, keperluan dan kecenderungan yang pelbagai dalam kalangan pelajar. Selain itu, aktiviti yang berkaitan dengan pengukuhan bahasa Arab perlu dipertingkatkan agar dapat meningkat dan mengekalkan motivasi pelajar. Nik Mohd Rahimi *et al.* (2008) juga ada menyatakan bahawa pengamalan teknik pengajaran dan penggunaan bahan bantu ketika mengajar dalam kalangan guru bahasa Arab adalah kurang memuaskan. Beliau mengatakan seorang guru seharusnya bijak memainkan peranannya dalam menyampaikan pengajaran bagi menjamin keberkesanan dan kecemerlangan proses pengajaran. Amalan teknik dan kaedah yang digunakan hendaklah sentiasa

diperkemas. Tambahan lagi, aplikasi bahan bantu ketika melaksanakan pengajaran juga harus dipelbagaikan.

Dalam kajian Rosni Samah (2009) ada menyatakan bahawa pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru bahasa Arab adalah pendekatan tradisional seperti yang dilaksanakan di pusat pengajian sistem pondok. Apa yang dimaksudkan adalah pendekatan yang berpusatkan kepada guru di mana guru yang memainkan peranan utama sepanjang proses pembelajaran. Manakala pelajar pula hanya duduk dan mendengar sahaja isi pelajaran yang diajarkan di dalam bilik darjah. Hasilnya, pembelajaran menjadi satu proses yang membosankan kerana pelajar akan berasa jemu dan tidak aktif. Segala aktiviti menarik yang sepatutnya diselitkan dalam pembelajaran juga tidak dapat dijalankan. Walhal, aktiviti dapat membantu pelajar membina identiti diri. Selain itu, latihan dan soalan juga kurang dijalankan. Guru seharusnya sentiasa memberi latihan pada pelajar dan membetulkan kesalahan yang dilakukan pelajar. Dengan cara ini, pelajar akan lebih bermotivasi dan bersemangat untuk mengecap kejayaan sekali gus meningkatkan penguasaan mereka.

Daripada permasalahan dan kekurangan dalam sistem pendidikan bahasa Arab yang dinyatakan dalam kajian-kajian tersebut, adalah dapat dilihat dengan jelas bahawa aspek sikap pelajar dan pengajaran guru adalah dua faktor atau elemen penting dalam mencapai kemantapan dan keberkesanan pendidikan bahasa Arab. Dua aspek ini juga adalah dilihat memainkan peranan yang besar dan ia saling melengkapi antara satu sama lain. Mohammad Abdillah *et al.* (2014) menyatakan kualiti guru bahasa Arab merupakan antara faktor yang penting dalam memupuk minat dan sikap pelajar terhadap bahasa Arab. Selain itu, fungsi sesuatu pengajaran adalah untuk menghasilkan pembelajaran efektif. Oleh yang demikian, aspek sikap pelajar adalah amat penting supaya dapat mencapai kecemerlangan proses pengajaran dan pembelajaran. Sikap yang positif akan membawa kepada hasil yang positif sebaliknya sikap yang negatif pula cenderung untuk membawa kepada kegagalan. Usaha untuk memperbaiki dan mengekalkan sikap positif pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab harus dipertingkatkan dengan membina suasana pembelajaran aktif, ceria dan menarik. Corak dan mutu pengajaran juga